

[LITERATURE REVIEW TOWARD MALAY MUSLIM SCHOLAR'S CONTRIBUTION  
ON MUTASYABIHAT VERSE]

**KAJIAN LITERATUR TERHADAP SUMBANGAN ULAMA MELAYU DALAM  
MENJELASKAN AYAT *MUTASYABIHAT***

NAJAT MAT NOR<sup>1</sup>  
MOHD SAFRI ALI<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, MALAYSIA.  
Email: SL1898@putra.unisza.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, MALAYSIA.  
Email: msafri@unisza.edu.my

---

*Received: 3 January 2021*

*Accepted: 16 February 2021*

*Published: 22 March 2021*

---

**Abstract**

*Mutasyabihat verse is a topic ever discussed among Muslim scholars. Misunderstanding over this verse is a common occurrence among the community. Muslim Scholars had tried to solve this issue with explanation. This research had been brought forward to exhibits the evidences of Malay Muslim scholar's contribution in solving issues regarding to mutasyabihat verse. The objective of this article is to explain the opinion and contribution from Malay Muslim scholars in solving the issue with mutasyabihat verse. Qualitative methodology approach had been chosen to further explain this issue. Data had been collected through documentation approach by looking through past researches. Especially toward Malay Muslim Scholars's contribution in discussing the issue of mutasyabihat verse. This article had found that various literatures concerning mutasyabihat verse had been written. However, confusion regarding the verse still exist to this day, to the point that any text about the verse was always considered as relevant, especially the text written among Malay Muslim Scholar.*

**Keywords:** *Malay Muslim Scholar, mutasyabihat verse, Jawi manuscript, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, akidah.*

**Abstrak**

Salah faham mengenai ayat *mutasyabihat* sering tercetus dalam kalangan masyarakat. Ulama berusaha memberi penjelasan untuk menyelesaikan isu ini. Kajian ini diketengahkan untuk menunjukkan bukti-bukti keterlibatan ulama Melayu dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan ayat *mutasyabihat*. Objektif bagi artikel ini ialah untuk menjelaskan pendapat dan sumbangan ulama Melayu dalam menyelesaikan isu ayat *mutasyabihat*. Untuk menjelaskan isu ini, metodologi kualitatif digunakan. Data dikumpul melalui pendekatan dokumentasi dengan melihat kepada kajian-kajian lepas. Khasnya berkaitan sumbangan ulama Melayu dalam membincangkan isu ayat *mutasyabihat*. Artikel ini mendapati tulisan mengenai ayat *mutasyabihat* telah banyak ditulis. Namun, kekeliruan mengenainya masih muncul sehingga peulisan mengenainya sentiasa relevan khasnya tulisan dalam kalangan ulama Melayu.

**Kata Kunci:** Ulama Melayu, ayat *mutasyabihat*, Kitab Jawi, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah*, akidah.

## PENGENALAN

Ayat *mutasyabihat* merupakan salah satu topik bersangkutan dengan akidah. Ayat ini menjadi sebahagian daripada perbahasan umat Islam semenjak kurun awal Hijrah sehingga kini. Hal ini telah menyebabkan para ulama menjadikan ayat *mutasyabihat* sebagai salah satu daripada tajuk penting dalam perbahasan isu akidah. Dalam menjelaskan isu ayat *mutasyabihat*, ulama Melayu di Nusantara juga tidak ketinggalan untuk turut sama menyumbang fikiran bagi mengelakkan kekeliruan yang boleh timbul daripada ayat ini (Hadzrullathfi dan Rashidi, 2012:78).

Jika dilihat sejenak, perbincangan tentang ayat *mutasyabihat* mula menjadi isu yang didebatkan ketika penghujung zaman sahabat. Pada ketika itu, muncul beberapa golongan yang cuba mentakwil ayat al-Quran berkaitan sifat Allah sehingga muncul fahaman *tasybih* (menyamakan Allah dengan makhluk) dan *tajsim* (menisbahkan anggota badan makhluk kepada Allah) (Faizuri dan Faizal, 2012:44).

Masyarakat Melayu turut terjebak dalam permasalahan *tasybih* dan *tajsim*. Ini mendorong, ulama Melayu mengambil berat dalam menyelesaikan permasalahan ini. Mereka berusaha untuk memurnikan sebarang salah faham yang berlaku dalam mentafsirkan ayat *mutasyabihat* melalui pelbagai media sama ada melalui lisan atau tulisan. Justeru, terdapat tulisan kitab-kitab jawi yang ditulis oleh ulama Melayu dalam menjernihkan kefahaman isu ini (Salim, Fazrul, Aizuddin, Faisal, 2018:40).

Contoh kitab yang ditulis oleh ulama Melayu ialah *Umdah al-Muhtajin*, *Bidayah al-Hidayah*, *Zuhrah al-Murid fi Bayan Kalimah al-Tauhid*, *Aqidah al-Najin*, *Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah* dan banyak lagi. Kesemua kitab yang disebut kebanyakannya berbicara soal ketuhanan dan menyelitkan dalam perbincangannya mengenai ayat *mutasyabihat*. Akan tetapi terdapat satu kitab yang berbahas secara langsung tentang ayat *mutasyabihat* iaitu *Kitab Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah*.

Melihat kepada penulisan yang dihasilkan oleh para ulama Melayu, maka terbukti bahawa mereka tidak berdiam diri untuk menjelaskan suatu permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Mereka berusaha secara bersungguh-sungguh untuk menegakkan akidah yang benar dengan cara yang paling berhemah agar masyarakat tidak keliru dalam memahami sesuatu perkara terutamanya dalam permasalahan penting seperti ayat *mutasyabihat*.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Perbezaan pendapat ulama berkaitan ayat *mutasyabihat* telah mencetuskan pelbagai masalah di antara mereka sehingga terbentuk beberapa kumpulan dan aliran pemikiran. Sebagai contohnya timbul aliran Asya`irah, Maturidiyyah dan Muktazilah dalam sejarah umat Islam. Di Malaysia muncul Kaum Tua dan Kaum Muda (Faiz, 2016:30). Perbezaan pendapat ini disebabkan para ulama menggunakan metodologi tafsir yang berbeza ketika memberi penjelasan berkaitan ayat *mutasyabihat*. Ada yang menggunakan metode tidak mentakwil iaitu dengan menyerahkan ayat *mutasyabihat* kepada Allah dan ada juga yang menggunakan kaedah takwil untuk menjelaskannya (Anwar, 2015:83).

Dalam menangani masalah perbezaan pandangan terhadap penjelasan ayat *mutasyabihat*, ulama Melayu tidak ketinggalan untuk turut serta memberi sumbangan pemikiran bagi menyatakan pandangan mereka. Antara ulama tersebut ialah mereka yang

berpegang dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (ASWJ) (Hadzrullathfi dan Rashidi, 2012:78).

Fahaman akidah ASWJ menjadi pegangan yang diterima secara menyeluruh oleh masyarakat Melayu Islam di Nusantara ini. Oleh itu, ulama Melayu sentiasa mengambil pandangan daripada fahaman aliran ASWJ untuk menyelesaikan masalah-masalah agama yang berlaku. Aliran ASWJ dijadikan sebagai panduan agar dapat memberi kefahaman yang seragam kepada seluruh masyarakat Melayu. Ini juga bertujuan untuk membuktikan bahawa aliran ASWJ adalah ajaran yang benar dan sesuai dengan kehendak Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat (Uthman, 2012:6).

Namun begitu, aliran ASWJ mendapat tentangan yang hebat daripada aliran pemikiran yang lain. Sebagai contoh, terdapat golongan yang berpegang dengan pemikiran Salafi-Wahabi iaitu mereka adalah berasal daripada golongan Kaum Muda. Mereka berpendapat bahawa akidah yang perlu dipegang oleh masyarakat Islam ialah Tauhid Tiga iaitu Rububiyyah, Uluhiyyah, dan al-Asma' wa al-Sifat. Bahkan mereka menyatakan bahawa ayat *mutasyabihat* tidak perlu ditakwil sebagaimana yang dilakukan oleh akidah ASWJ (Adam, 2016:140).

Ulama Melayu tidak hanya berdiam diri apabila timbulnya permasalahan tersebut. Oleh kerana itu, mereka turut menyumbangkan pemikiran mereka supaya masyarakat Melayu Islam tidak keliru dan tidak berlaku perpecahan di antara mereka. Maka, kajian ini sangat sesuai dilakukan bagi membuktikan bahawa ulama Melayu juga turut mengambil berat dalam permasalahan yang berlaku.

## PERSOALAN KAJIAN

Persoalan artikel yang timbul berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan di atas ialah seperti berikut,

1. Apakah kajian yang menjelaskan tentang ayat *mutasyabihat* ?
2. Apakah isu yang dibahaskan di sebalik pentafsiran isu ayat *mutasyabihat* ?
3. Bagaimanakah sumbangan ulama Melayu untuk menjelaskan isu ayat *mutasyabihat* ?

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif artikel ini ialah,

1. Menyenaraikan beberapa kajian yang menjelaskan ayat *mutasyabihat* .
2. Menjelaskan latar belakang isu di sebalik penjelasan ayat *mutasyabihat* .
3. Menjelaskan sumbangan yang telah dilakukan oleh ulama Melayu untuk menjelaskan isu ayat *mutasyabihat* .

## METODOLOGI

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif. Pengumpulan data di dalam kajian ini menggunakan kajian sejarah dan dokumentasi sebagai teras. Oleh itu, sumber kajian didapati melalui perkembangan sejarah para ulama Melayu terdahulu memberi pandangan terhadap ayat *mutasyabihat* . Data tersebut juga diambil daripada kajian-kajian lalu yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Kaedah ini digunakan agar dapat membuktikan bahawa kajian ini masih belum dikaji oleh pengkaji lain. Untuk menganalisis data, kajian ini mengambil pendekatan kaedah deskriptif.

## ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan kajian-kajian lepas, penelitian berkaitan pandangan ulama terhadap ayat *mutasyabihat* telah banyak dikaji. Namun, kebanyakannya hanya membicarakan isu ini dengan mengambil pandangan ulama secara umum. Sedangkan kajian berkaitan pandangan ulama Melayu berkaitan isu ini masih belum disentuh oleh pengkaji terdahulu. Walaupun terdapat juga kajian yang mengkaji pandangan ulama Melayu terhadap ayat *mutasyabihat*, namun kajian tersebut hanya mengkhususkan nama salah seorang dari kalangan ulama Melayu sahaja bukanlah menyebut ulama Melayu secara umum. Berdasarkan persoalan kajian yang telah diutarakan, maka pengkaji melakukan tinjauan terhadap kajian lepas untuk membuktikan kajian ini sangat relevan dilaksanakan.

Oleh itu, pengkaji membahagikan analisis kajian literatur ini kepada tiga bahagian mengikut persoalan kajian yang telah disebut sebelum ini. Pertama, kajian dilakukan terhadap para ulama yang berusaha untuk menjelaskan ayat *mutasyabihat*. Kedua, permasalahan yang berlaku ketika membahas isu ayat *mutasyabihat* dalam kalangan ulama Melayu. Ketiga, sumbangan yang telah dilakukan oleh ulama Melayu untuk memperjelas isu ayat *mutasyabihat*.

### Kajian yang Menjelaskan Ayat *Mutasyabihat*

Kajian yang pernah dibuat berkaitan ulama yang berusaha menjelaskan ayat *mutasyabihat* telah dilaksanakan oleh beberapa orang pengkaji sebelum ini.

Antaranya ialah kajian Sarjana yang dilaksanakan oleh Siti Sa'adiyah Binti Shafik bertajuk "Ayat-ayat *Mutasyabihat* dalam Aqidah : Suatu kajian perbandingan antara Ulama *Salaf* dan *Khalaf*" (1999). Kajian ini mengandungi perbincangan berkaitan ayat-ayat *mutasyabihat* yang dibahaskan oleh ulama *salaf* dan *khalaf*.

Kajian berkaitan ayat-ayat sifat juga termasuk dalam perbincangan ayat *mutasyabihat*. Oleh itu, terdapat sebuah kajian yang dibuat oleh Mohd Nazri Bin Zainol bertajuk "Tafsiran Ayat-Ayat Sifat : Perbandingan Antara Fakh al-Din al-Razi dan Ibn Taimiyyah" (2010). Kajian Sarjana ini dilaksanakan untuk mengkaji kaedah penulisan yang digunakan oleh kedua-dua tokoh dalam memahami ayat-ayat sifat.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Mohd Faiz Hakimi bin Mat Idris pelajar Ijazah Doktor Falsafah Universiti Malaya yang bertajuk "Metode *Wasatiyyah* Sharh Al-Nawawi dan Al-Mubarakfuri Terhadap *Ahadith Mutasyabihat* dalam Sahih Muslim : Kajian Sikap Agamawan di Kuala Terengganu" (2016). Kajian ini tertumpu kepada perbincangan hadis-hadis *mutasyabihat* yang terdapat di dalam kitab Sahih Muslim karangan Imam al-Nawawi dan al-Mubarakfuri. Namun, kajian ini tidaklah membincangkan tentang tafsir ayat al-Quran yang berkaitan ayat *mutasyabihat* secara khusus.

Selain itu, terdapat beberapa artikel yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini berkaitan perbincangan ulama tentang ayat *mutasyabihat*. Antaranya ialah artikel yang ditulis oleh Muhammad Rashidi Wahab, pelajar Jabatan Usuluddin Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) yang bertajuk "Takwilan Nas-Nas Sifat *Mutasyabihat* Dalam Kalangan *Salaf*" (2012). Dalam penulisan ini, penulis menengahkan isu takwilan ayat *mutasyabihat* yang kini dilihat sebagai isu yang berlarutan dan penulis mengambil pandangan dari kalangan ulama *salaf* kerana mereka ini sering dilabelkan sebagai golongan yang tidak mentakwil ayat *mutasyabihat*.

Terdapat juga sebuah artikel yang bertajuk "Implikasi Penafian Majaz al-Quran terhadap Nas-Nas Sifat *Mutasyabihat*" yang ditulis oleh Muhammad Rashidi Wahab, Muhammad Shahrizal Nasir, Syed Hadzrulathfi Syed Omar (2014). Di dalam artikel ini penulis

membahas isu penafian majaz al-Quran berkaitan ayat *mutasyabihat*. Penulis juga turut menyatakan konsep yang diguna oleh para ulama ASWJ dalam memperjelas kaedah memahami ayat *mutasyabihat*.

Melihat kepada kajian-kajian lepas masih belum ada pengkaji yang menelusuri secara khusus tentang bagaimana ulama Melayu melibatkan diri dalam isu ayat *mutasyabihat*. Kebanyakannya lebih berfokus kepada pandangan ulama dari Timur Tengah. Oleh itu, kajian ini sangat bertepatan bagi mengisi kelompangan kajian sebelum ini.

### **Kajian Di Sebalik Penjelasan Ayat *Mutasyabihat***

Oleh kerana perbincangan ayat *mutasyabihat* sangat luas, maka pelbagai permasalahan yang dibicarakan oleh ulama Melayu ketika menjelaskan tentangnya. Kajian itu tidak hanya tertumpu kepada pentafsiran ayat, bahkan turut mengaikannya dengan akidah, tauhid, nama dan sifat Allah.

Sifat Allah merupakan antara topik penting yang dibicarakan oleh ulama Melayu dalam perbincangan ayat *mutasyabihat*. Sebagai contoh, terdapat sebuah kajian yang berbentuk artikel bertajuk “Konsep Penterjemahan Sifat *Salbiyyah* dan *Ma`ani* Menurut Wan Ismail Fatani (Pak Da Ail) dalam Matan Bakurah al-Amani” (Mansor Dahlan dan Faizuri bin Abdul Latif, 2016). Kajian ini dilaksanakan untuk memberi kefahaman tentang sifat 20.

Artikel yang bertajuk “Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu” yang ditulis oleh Nik Muhammad Syukri Nik Wan (2014). Artikel ini berobjektifkan untuk mengkaji sejarah berkaitan pengajaran sifat 20 yang berlaku di alam Melayu. Di dalam kajian ini, dinyatakan bahawa ramai dalam kalangan ulama Islam yang terkemudian lebih cenderung kepada ilmu falsafah asing. Hal ini telah menyebabkan berlakunya percampuran dalam penulisan ilmu akidah dan ilmu falsafah sehingga ia tidak dapat dibezakan lagi.

Nama Allah juga merupakan permasalahan yang dibicarakan dalam kalangan ulama Melayu. Buktinya, terdapat satu kajian yang ditulis dalam bentuk artikel bertajuk “Studi Komparatif Pemikiran H. Husin Qaderi dan H. M. Zurkani Jahja tentang Konsep al-Asma’ al-Husna yang Menunjukkan Perbuatan Allah” oleh Nor Ainah dan M. Zainal Abidin (2014). Artikel ini menjelaskan bagaimana pandangan H. Husin Qaderi tentang nama Allah agar manusia mampu mengenal Allah melalui namanya.

### **Kajian Sumbangan Ulama Melayu Dalam Menjelaskan Isu Ayat *Mutasyabihat***

Di antara sumbangan para ulama Melayu dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku di dalam kalangan masyarakat ialah dengan menggunakan kaedah penulisan. Bagi memberi kefahaman kepada masyarakat Melayu, kitab-kitab yang dihasilkan oleh mereka ditulis dengan menggunakan tulisan jawi. Pada masa kini, kitab tersebut telah banyak dibuat kajian oleh para pengkaji di Nusantara ini.

Antaranya ialah kajian yang dilaksanakan oleh Mansor Bin Mohd Dahalan (2011) yang bertajuk “Konsep Ketuhanan Kitab Syekh Zainal Abidin Bin Muhammad al-Fatani (Tuan Minal) dan Pengaruhnya Terhadap Pemantapan Tauhid *Uluhiyyah* (Study tentang Kitab al-Najin)”. Kajian ini berfokus kepada isu tauhid *Uluhiyyah* yang dibicarakan oleh Tuan Minal melalui karya agungnya *Aqidah al-Najin*. Walaupun tajuknya tidak khusus menyatakan tentang ayat *mutasyabihat*, namun perbincangan yang dibuat oleh Tuan Minal dalam kitabnya itu juga berkait rapat dengan isu ayat *mutasyabihat*.

Dalam membahas isu ayat *mutasyabihat*, terdapat sebuah kertas kerja yang ditulis oleh Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil dan Abdul Mukti Bin Baharudin (2015) bertajuk “Pentafsiran Ayat-Ayat *Mutasyabihat* di dalam Al-Quran : Kajian Menurut Kitab Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah Karangan Haji Abdul Qadir Bin Wangah”. Kertas kerja ini menganalisa metode yang digunakan dalam kitab *Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah* di dalam memuat pentafsiran terhadap ayat *mutasyabihat* .

Artikel yang ditulis oleh Ahmad Mustapa, Arif Yahya dan Mazlan Ibrahim (2016) bertajuk “Nas-Nas *Mutasyabihat* Menurut Tafsiran Haji Abdullah Abbas Nasution Dalam Karyanya Tafsir Harian Al-Quran Al-Karim”. Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau pendapat Haji Abdullah Abbas Nasution berkaitan metode pentafsiran beliau tentang ayat *mutasyabihat* sama ada beliau memilih takwil ataupun sebaliknya.

Seterusnya terdapat sebuah artikel yang ditulis oleh Hasbullah Mohamad (2017) yang berjudul “Pendekatan Harmoni Shaykh Dawud al-Fatani di Dalam Isu-Isu Aqidah dalam Masyarakat Melayu : Tumpuan Terhadap Polemik Ayat-Ayat *Mutasyabihat* ”. Kajian ini membuktikan bahawa salah seorang tokoh hebat di Tanah Melayu mampu menyelesaikan dengan penuh hikmat berkaitan masalah ayat *mutasyabihat* yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu. Beliau begitu bijak dalam memberi pandangan terhadap ayat *mutasyabihat* agar tidak berlaku perpecahan antara golongan *salaf* dan *khalaf*.

Oleh kerana ayat *mutasyabihat* termasuk dalam perbincangan ilmu akidah, terdapat sebuah artikel yang ditulis oleh Norzahiah Zaid (2017) bertajuk “Sumbangan Tok Ku Tuan Besar Dalam Pemeraksanaan Akidah Ulama Nusantara”. Kajian ini mengetengahkan seorang tokoh besar yang menyumbangkan pelbagai hasil karya penulisannya dalam perkembangan ilmu akidah. Terdapat empat buah kitab berkaitan akidah yang ditulis beliau, iaitu *al-Durah al-Fakhirah*, *Jawahir al-Saniyyah*, *Targhib al-Sibyan fi Hifzi Aqa'id al-Iman*, dan *Uqud al-Durratayn fi Bayan Kalimah Syahadatain*.

Berdasarkan kepada tinjauan literatur yang dinyatakan, masih belum ada kajian yang dilaksanakan tentang bagaimana kesemua ulama Melayu menangani isu ayat *mutasyabihat* yang sering menjadi perdebatan dalam kalangan ulama mahupun masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini sangat perlu dilakukan bagi mengisi kelompangan kajian yang terdahulu.

## KESIMPULAN

Masyarakat yang memahami ayat *mutasyabihat* secara salah dibimbangi keutuhan akidahnya terjejas. Namun, ulama berusaha menyelesaikan masalah salah faham tersebut. Oleh itu, terdapat kitab-kitab jawi yang ditulis bagi menjernihkan silap faham tadi. Semuanya bertujuan memelihara akidah umat Islam agar selaras dengan kehendak Islam sebagaimana yang diperjuangkan oleh ulama *Ahl al-Sunnah wa ajma'ah*. Tinjauan literatur ini membuktikan terdapat tulisan dan kajian yang diusahakan oleh ulama Nusantara untuk menjawab isu ayat *mutasyabihat*. Sekali gus membuktikan isu ini perlu diuruskan secara baik dan usaha seperti ini akan tetap berlangsung kerana silap faham isu ayat *mutasyabihat* merupakan isu yang terus relevan untuk dibincangkan. Hal ini terutamanya bagi memastikan akidah umat Islam masih berada di atas landasan yang benar.

## RUJUKAN

- Adam Badhrulhisham. (2016). "Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dan Pemakaiannya di Malaysia : Isu dan Cabaran". Dlm. *Jurnal Ulwan* Jilid 1. Hlm. 128-149. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Ahmad Nazri Zainol. (2010). Tafsiran Ayat-Ayat Sifat : Perbandingan Antara Fakhr al-Din al-Razi dan Ibn Taymiyyah. Tesis Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya.
- Faizuri Bin Abdul Latif dan Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid. (2012). Perbahasan Mengenai Sifat-Sifat Allah SWT: Analisis Pemikiran Tuan Minal. Dlm. 'Ulum Islamiyyah Journal. Hlm. 41-57. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hajah Makiah Tussaripah Jamil & Abdul Mukti Baharudin. (2015). Pentafsiran Ayat-Ayat *Mutasyabih* di dalam Al-Quran : Kajian Menurut Kitab Risalah Ahli Sunnah Karangan Haji Abdul Qadir Bin Wangah. Seminar Serantau Peradaban dan Pemikiran Islam II & Pertandingan Poster Penyelidikan (ReCIT 2015). Selangor: Pusat Pengajian Teras, KUIS.
- Hasbullah Muhamad. (2017). "Pendekatan Harmoni Shaykh Dawud al-Fatani di Dalam Isu-Isu Aqidah dalam Masyarakat Melayu : Tumpuan Terhadap Polemik Ayat-Ayat *Mutasyabihat*". Dlm. *Proceeding International Seminar on Islamic Civilization and Thoughts (INSIST)*. Hlm. 311-322. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mansor Bin Md Dahalan. (2011). Konsep Ketuhanan Kitab Syeikh Zainal Abidin Bin Muhammad al-Fatani (Tuan Minal) dan Pengaruhnya Terhadap Pemantapan Tauhid *Uluhiyyah* (Study tentang Kitab al-Najin). Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi. Skripsi Disertasi Sarjana, Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau.
- Mansor Dahlan dan Faizuri bin Abdul Latif. (2016). Konsep Penterjemahan Sifat Salbiyyah dan Ma`ani Menurut Wan Ismail al-Fatani (Pak Da Ail) dalam Matan Bakurah al-Amani. Dlm. *Afkar* Vol. 18. Hlm. 199-234. Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Mohd Faiz Hakimi Bin Mat Idris. (2016). Metode Wasatiyyah Sharh Al-Nawawi dan Al-Mubarakfuri Terhadap Ahadith *Mutasyabihat* dalam Sahih Muslim : Kajian Sikap Agamawan di Kuala Terengganu, Terengganu. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Muhammad Anwar Firdausi. (2015). "Membincang Ayat-Ayat Muhkam dan *Mutasyabih*". Dlm. *Ulul Albab* Vol. 16 No. 1. UIN Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2012). Takwilan Nas-Nas *Mutasyabihat* Dalam Kalangan *Salaf*. Universiti Sultan Zainal Abidin : Terengganu.
- Muhammad Rashidi Wahab, Muhammad Shahrizal Nasir, Syed Hadzrulathfi Syed Omar. (2014). "Implikasi Majaz Al-Quran Terhadap Nas-Nas Sifat *Mutasyabihat*". Dlm. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Bil. 8. Hlm. 136-152. Universiti Sultan Zainal Abidin : Terengganu.
- Nor Ainah dan M. Zainal Abidin. (2014). Studi Komparatif Pemikiran H. Husin Qaderi dan H. M. Zurkani Jahja tentang Konsep al-Asma' al-Husna yang Menunjukkan Perbuatan Allah. Dlm. *Jurnal Studian Insania*, Vol.2. Hlm. 147-164. Banjarmasin : Indonesia.
- Norzahiah Zaid. (2017). "Sumbangan Tok Ku Tuan Besar Dalam Pemeraksanaan Akidah Ulama Nusantara". Dlm. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*. Hlm. 47-50. Universiti Sulatan Zainal Abidin (Unisza), Terengganu.
- Siti Sa'adiah Shafik. (1999). Ayat-Ayat *Mutasyabihat* dalam Akidah : Satu Kajian Perbandingan antara Salaf dan Khalaf. Tesis Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya.
- Syed Salim Bin Syed Shamsuddin, Wan Mohd Fazrul Azdi Bin Wan Razali, Mohd Aizuddin Bin Abdul Aziz, Mohd Faisal Bin Mohamed. (2018). Metodologi Penulisan Kitab Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah oleh Tuan Guru Haji Abdul Qadir bin Wangah (Ayah Dir Sekam): Analisis Integrasi Ilmu Usul Fiqh, Usuluddin dan Mantik. Dlm. Persidangan

Antarabangsa Tamadun, Etnik dan Turath Islami. Hlm. 39-51. Universiti Sains Islam Malaysia : Negeri Sembilan.